

Newspaper	Harakah
Date	26/4/2013

Debat Manifesto Pakatan-BN baik untuk rakyat

KUALA LUMPUR: Seluruh rakyat negara ini amat kecewa, apabila perdebatan manifesto antara Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Seri Najib Tun Razak yang dijadualkan berlangsung di Dewan Perhimpunan Cina pada 17 April lalu, tidak juga menjadi kenyataan.

Sebaliknya setelah sehingga jam 10.30 malam, Najib tidak juga kelihatan, sehingga debat PRU13 itu akhirnya bertukar menjadi ceramah Pakatan Rakyat pada malam itu.

Debat tersebut dianjurkan oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) dan ia turut disokong pelbagai pihak, termasuk badan pemikir Kajian Politik Untuk Perubahan (KPRU).

Bagi menggalakkan budaya sihat berdebat, KPRU turut menggesa stesen radio utama, Radio Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan siaran langsung perdebatan tersebut, bagi memberikan peluang kepada seluruh rakyat menonton perdebatan secara langsung.

Sebelum ini, rakyat negara ini telah tahu perdebatan awam merupakan suatu budaya politik dan pilihan raya yang sihat, sehingga banyak negara yang mengamalkan semangat demokrasi akan mengadakan perdebatan antara calon-calon sebelum pilihan raya.

Antaranya termasuklah perdebatan antara calon Presiden di Amerika Syarikat, perdebatan antara calon presiden di Taiwan, perdebatan antara calon Ketua Eksekutif Hong Kong dan sebagainya.

Calon-calon yang menyertai debat diberikan platform politik untuk berkomunikasi dengan orang ramai, dipersoalkan oleh orang awam dan

Harakah - 26/4/2013

Wednesday, 17 April 8:45pm
Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall

Debat Anwar- Najib mengenai Manifesto Pakatan-BN menarik perhatian rakyat tetapi BN enggan hadir.

membincangkan idea lawan.

Program debat seperti itu juga amat penting bagi pengundi atas pagar dan generasi muda yang 'sentiasa haus' dengan maklumat yang lebih telus dan terbuka yang tidak diperolehi oleh mereka melalui media arus perdana di negara kita.

Generasi muda sebenarnya tidak memerlukan hiburan yang berlebihan untuk mereka menjelang PRU13 seperti nyanyi-nyanyian, konsert hiburan, tetapi yang diperlukan oleh mereka adalah suasana dan wacana yang lebih bermentaliti tinggi untuk mereka berfikir mengenai halatuju dan dasar negara untuk 5 tahun seterusnya.

Sebelum ini, Najib juga telah acap kali diundang berdebat dengan Anwar, tetapi tidak pernah dipenuhi. Keengganan Najib muncul pada acara debat pada malam itu pula semakin memperjelaskan lagi sikap sebenar Najib kepada seluruh rakyat negara ini tentang sikap sebenarnya yang amat takut untuk berdebat.

Lebih dikesali lagi, selain tidak hadir sendiri, Najib juga tidak menghantar wakilnya untuk berdebat dengan Anwar pada malam itu bagi menggantikannya, walaupun program seperti itu amat perlu dihidupkan oleh kerajaan yang menuju negara maju menjelang tahun 2020.

Selangor sedia

KUALA LUMPUR: Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 13 Feb 2012 meluluskan garis panduan yang disediakan oleh Penasihat Undang-undang Kerajaan Selangor, berhubung fungsi dan had kuasa sebuah Kerajaan Sementara.

Garis panduan berkenaan disediakan berasaskan Perlembagaan Negeri Selangor (Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959) yang antara lain menyatakan kerajaan sementara terdiri daripada Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Perlembagaan Negeri Selangor menyatakan bahawa kerajaan se-